



• MUHAMAD Zaki (kanan) menunjukkan rampasan rokok putih di Kampung Pasir Pekan Tengah, Wakaf Bharu, Kota Bharu. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Tinggal tebing sungai

Polis Kelantan rampas 900k rokok putih RM1.64j dalam kereta

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Kelantan merampas 900,000 rokok putih bernilai keseluruhan RM1.64 juta di Kampung Pasir Pekan Tengah, Wakaf Bharu, dekat sini, jam 3.30 pagi kelmarin.

Pemangku Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhamad Zaki Harun berkata, terdahulu, anggota Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA7) Kuantan, Pahang terserempak dengan dua kereta yang dipandu laju menuju Kampung Pasir Pekan Tengah.

Katanya, anggota berkenaan kemudian masuk ke kawasan kampung berkenaan dan cuba mengesan kenderaan terbabit.

"Ketika melakukan pencarian di kawasan tebing sungai, kami mendapati sebuah Perodua Kenari tanpa nombor pendaftaran ditinggalkan dalam keadaan enjin



POLIS Kelantan turut merampas daun ketum dalam Op Tapis di sekatan jalan raya di Batu Melintang, Jeli.

dimatikan dan pintu sebelah pemandu terbuka.

"Pemeriksaan dalam kereta dan kawasan sekitar menemui rokok dipercayai rokok seludup," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan, semalam.

Tiada tangkapan dibuat kerana pemandu

kereta terbabit dipercayai melarikan diri sejurus menyedari kehadiran pihak berkuasa.

Sementara itu, dalam kes berasingan, Muhamad Zaki berkata, pihaknya turut merampas 2.2 tan daun ketum bernilai

RM22,000

pada Op Tapis di sekatan jalan raya di Batu Me-

lintang, Jeli, jam 10 pagi kelmarin.

"Pemeriksaan di belakang lori yang ditutupi dengan kanvas menemui bungkusan berisi daun ketum. Untuk mengaburi kami, bahagian belakang kenderaan terbabit turut disusun dengan kotak gandum.

"Pemandu lori yang juga lelaki berusia 39 tahun ditahan bagi membantu siasatan. Daun ketum terbabit dibawa dari Baling, Kedah dan ia dipercayai untuk pasaran negeri ini," katanya.

Kata beliau, suspek didapati negatif dadah hasil ujian air kencing dijalankan selain tiada rekod jenayah lampau.

"Suspek mengaku sudah dua kali membawa daun ketum dari Kedah ke Kelantan dan menerima upah RM1,000 untuk setiap penghantaran.

"Kami mengesan seorang lelaki yang dikatakan akan menerima daun ketum ini di lokasi yang ditentukan di Machang. Kes disiasat mengikut Seksyen 30(3) Akta Racun 1952," katanya.

Turut rampas 2.2 tan daun ketum dalam sekatan jalan raya di Batu Melintang, Jeli